

# PENGURUSAN PENGINAPAN PEKERJA

## 1. PENGENALAN

Penyediaan penginapan dan kemudahan asas mengikut piawaian bukan sahaja menjadi mekanisme dalam meningkatkan dan mempromosikan budaya kerja industri yang kondusif dan berdaya saing tetapi juga memberikan persekitaran yang harmoni, selamat, bersih dan selesa.

Penghujung tahun 2019 dunia telah dikejutkan dengan wabak pandemik COVID-19 termasuk Malaysia. Pandemik ini secara tidak langsung telah menjelaskan pelbagai sektor dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial serta pekerjaan.

Berbagai langkah telah diambil oleh pihak kerajaan dalam usaha mengkekang penularan wabak khususnya di tempat pekerjaan yang menyediakan penginapan atau asrama untuk pekerja. Mengikut rekod sejak 25 Januari 2020 hingga 26 Februari 2022, sebanyak 133 kluster tempat pekerjaan dilaporkan terdiri dari subkategori sektor pembuatan atau perkilangan. Siasatan juga mendapati punca penularan paling tinggi adalah ditempat kerja (56.8%), asrama pekerja (29.08%) dan bakinya adalah lain-lain. Penginapan pekerja asing yang sesak dan tidak memenuhi standard antara punca penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja di negara ini.

Justeru itu proses meminda Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan pekerja 1990 (Akta 446) telah dibuat dan dikuat kuasakan pada 1 Jun 2020 yang mana mewajibkan setiap penginapan memperoleh Perakuan Penginapan Jabatan Tenaga Kerja Malaysia.

## 2. DEFINISI PENGINAPAN PEKERJA

Terdapat dua (2) bentuk penginapan pekerja yang telah dikenal pasti berdasarkan Akta 446 seperti berikut;

**(i) Penginapan pekerja** bermaksud satu unit kediaman/perniagaan/perindustrian ( sama ada diubah suai atau tidak diubah suai yang digunakan untuk menempatkan beberapa orang pekerja meliputi pekerja asing atau pekerja tempatan dari sektor pekerjaan yang sama atau pelbagai sektor pekerjaan.

**(ii) Asrama pekerja** pula bermaksud suatu deretan/atau kelompok bangunan yang lebih dari satu unit bangunan (sama ada diubah suai atau tidak diubah suai) yang digunakan

untuk menempatkan sekumpulan pekerja asing atau pekerja tempatan dari sektor pekerjaan yang sama atau pelbagai sektor pekerjaan.

### **3. PERMASALAHAN PENGINAPAN**

Sebelum wabak COVID-19 tiada siapa pun peduli perihal tentang penginapan. Terdapat kes-kes di mana satu (1) bangunan dihuni oleh berlainan jantina, kebersihan yang tidak diurus dengan sempurna serta lain-lain perkara. Apabila penularan wabak COVID-19 melanda, perihal penginapan telah menjadi isu nasional apatah lagi telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada penularan wabak. Situasi itu terbongkar selepas Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia mengadakan operasi pengkuatkuasaan bersepadu di seluruh negara bersama agensi penguatkuasa lain termasuk Jabatan Perhubungan Perusahaan dan mendapati keadaan penginapan amat daif bahkan mengugat keselamatan pekerja. Sebagai contoh, tempat tidur ditempatkan bersama dapur, penggunaan tilam juga tidak mengikut spesifikasi. Juga didapati bilik kediaman dikongsi oleh 10 orang pekerja sedangkan keluasannya hanya sesuai di huni oleh empat (4) orang penghuni sahaja. Ianya belum mengambil kira aspek pendawaian elektrik serta kemudahan asas lain dalam keadaan yang amat menyedihkan.

Turut dikesan ruangan tumpuan pekerja sangat sempit dan tidak dilakukan disinfeksi secara berkala serta sistem pengudaraan yang tidak mencukupi seperti tiada kipas ekzos bagi bilik penghawa dingin, tiada tingkap di tempat kerja dan asrama pekerja.

Justeru penguatkuasaan Akta 446 dilihat mampu mendidik pihak majikan menyediakan kemudahan penginapan yang standard dan selesa kepada pekerja yang seterusnya dapat menyumbang kepada produktiviti.

### **4. PENGURUSAN PENGINAPAN YANG SEMPURNA**

Pihak majikan atau penyedia penginapan yang menyediakan penginapan untuk pekerja hendaklah berkewajipan dan bertanggungjawab berikut :

- a) Menyediakan penginapan berasingan untuk pekerja berlainan jantina;
- b) Mengambil langkah pencegahan perlu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja;
- c) Mengambil langkah keselamatan kebakaran menikut undang – unang bertulis bekaitan;
- d) Memastikan system pendawaian elektrik mematuhi kehendak keselamatan;
- e) Memastikan pekerja menerima bantuan perubatan yang diperlukan;
- f) Mengambil langkah pencegahan untuk membendung penularan wabak berjangkit;

- g) Menyelenggara dan memeriksa penginapan dua kali sebulan dan menyimpan rekod penyelenggaraan;
- h) Pembinaan dan ubah suai bangunan perlu diluluskan pihak berkuasa tempatan atau agensi berkaitan; dan
- i) Mendapatkan Perakuan Penginapan daripada Ketua Pengarah JTKSM sebelum menempatkan pekerja di penginapan.

## 5. KESIMPULAN

Penyediaan penginapan yang standard ini adalah selaras dengan saranan *Recommendation 115 (Workers Housing Recommendation, 1961)* Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Ianya meliputi standard ruang minimum kediaman, kemudahan asas bagi rumah dan pekerja serta elemen keselamatan dan kebersihan yang perlu dititiberatkan oleh majikan.

Dasar pekerjaan yang sempurna adalah syarat pendahuluan bagi perhubungan majikan-pekerja dengan baik. Perancangan yang rapi, penggunaan tenaga manusia yang cekap, kebijakan dan kemudahan di tempat kerja adalah mustahak bagi menentukan kualiti tempat pekerjaan atau tempat perusahaan.

## RUJUKAN

- Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446)
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514). Diakses melalui <https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/perundangan/acts-legislation/3773-akta-keselamatan-dan-kesihatan-pekerjaan-1994-akta-514/file>
- Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta177)
- Mat, N., Misron, M. F., Abdullah, N. A. & Alias, J. (2021). Pandemik COVID-19: Kesan Terhadap Gelagar Pengurusan Perbelanjaan Semasa Masyarakat Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 24(2), 141-150

## Disediakan oleh:

Zairiasdi bin Mohd Zainuddin @ Hilmi  
Jabatan Perhubungan Perusahaan Pahang  
9 Jun 2022